

MEMPERKASA GEOGRAFI MANUSIA DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN

Amriah Buang

Program Geografi

*Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*

*Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor*

Abstrak

Makalah ini membincarakan isu dan cabaran yang sedang mencirikan pengajian tinggi disiplin Geografi, khususnya Geografi Manusia, di Malaysia. Didahului dengan imbasan situasi di beberapa negara lain untuk menunjukkan bahawa Geografi Manusia di Malaysia tidak unik dalam hal ini, empat isu dan cabaran pemerkasaan Geografi Manusia di Malaysia dikenalpasti, iaitu (i) Mempertahankan kesatuan jatidiri geografi sebagai satu disiplin yang koheren dan tersendiri di peringkat pengajian tinggi; (ii) Menjamin kemandirian institusi geografi manusia di peringkat pengajian tinggi; (iii) Menjamin keserlahan peranan geografi dalam masyarakat; dan (iv) Menjana keupayaan geografi manusia di Malaysia menonjolkan diri di peringkat antarabangsa. Langkah-langkah pemerkasaan selaras dengan keempat-empat kategori isu dan cabaran ini digarisaskan selanjutnya.

Kata Kunci: *Geografi, Geografi Manusia, Jatidiri, Kemandirian, Pemerkasaan*

Abstract

This article articulates issues and challenges that are confronting the discipline of Geography, in particular, Human Geography, in Malaysia's higher education. Preceded by a brief survey of the predicament in other countries in order to drive home the point that Malaysia is not unique in this matter, four main areas of empowerment issues and challenges are highlighted, namely: (i) Defending the unity of identity of Geography as a coherent and separate discipline in higher education; (ii) Ensuring the institutional survival of Geography in higher education; (iii) Ensuring the visibility of geographers' role as public intellectuals; and (iv) Fostering the internationalization of Malaysia's Human Geography. Outlining steps of empowerment in accordance with the issues and challenges identified constitutes the rest of the article.

Key Words: *Geography, Human Geoegraphy, Identity, Survival, Empowerment*

PENGENALAN

Pada tahun 1960an di Malaysia, pelajar pra-siswazah yang mengikuti disiplin Geografi di Universiti Malaya sering dikatakan oleh teman yang mengambil Pengajian Melayu, Sejarah, Ekonomi Pendidikan dan disiplin lain, sebagai memasuki rumah penyembelihan (*slaughter house*). Hari ini, ahli akademik Jabatan, Program atau unit geografi diberi faham bahawa sekiranya Program Geografi mereka tidak disemak semula dan di'perkasa'kan maka Geografi, termasuk Geografi Manusia, akan ditutup (disembelih).

Dua senario yang cukup bertentangan ini mengungkapkan isu dan cabaran pengajian tinggi Geografi Manusia di Malaysia masa kini. Ia menyiratkan pengertian bahawa ada atau masih ada sesuatu yang lemah, pincang dan kurang pada Geografi Manusia yang dipelajari dan diamalkan di Malaysia; dan bahawa kelemahan, kepincangan dan kekurangan ini boleh, harus, perlu dan wajar diperbaiki. Ia juga mengundang persoalan daripada perspektif mana dan siapa Geografi Manusia di Malaysia ini dikatakan masih lemah, pincang dan kekurangan sehingga pemberiannya wajar dituntut?

Kelemahan Geografi Manusia di Malaysia dapat dilihat daripada dua konteks skala. Konteks skala yang pertama ialah konteks nasional di mana kelemahan geografi manusia dapat ditafsirkan sebagai kurangnya, atau masih kurangnya upaya untuk bersaing dengan disiplin-disiplin sains sosial dan kemanusiaan yang lain di negara ini. Konteks skala yang kedua pula ialah konteks skala antarabangsa di mana kelemahan Geografi Manusia di Malaysia dapat ditafsirkan sebagai kurangnya, atau masih kurangnya upaya Geografi Manusia di Malaysia untuk berdiri sama tinggi dengan geografi manusia yang diamalkan di negara-negara lain yang (dikatakan) diiktiraf umum sebagai sudah perkasa.

Berdasarkan kedua-dua konteks skala ini, makalah ini menggariskan bentuk-bentuk kelemahan yang menjadi isu dalam pendidikan tinggi Geografi Manusia di Malaysia, dan membincangkan secara ringkas cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha mengatasi kelemahan-kelemahan ini.

GEOGRAFI MANUSIA - ISU DAN CABARAN

Sebenarnya kekurangan dan kepincangan Geografi Manusia bukan saja berada di jabatan-jabatan geografi di Malaysia sahaja tetapi juga di merata negara di luar sana.

Di Singapura, khususnya di Jabatan Geografi Universiti Kebangsaan Singapura (JGNUS), tumpuan sepenuhnya Geografi Manusia kepada tujuan penyelidikan 'top notch'

agar dapat diterbitkan di jurnal lapisan tinggi antarabangsa telah membawa kepada terjejasnya mutu pengajaran pelajar pra-siswazah, sehingga pihak berwajib mengarahkan JGNUS mempastikan agar penyelidikan berkualiti tinggi tidak mengorbankan pengajaran berkualiti tinggi di jabatan itu (Tharman Shanmugaratnam 2005).

Di India, Geografi Manusia dilihat sebagai sebuah sains sosial yang longlai, yang tidak berupaya menghasilkan bukan saja penerbitan dan penyelidikan yang berkualiti, tetapi juga pemahaman selayaknya mengenai geografi India yang telah dan sedang berubah (Kapur 2004; 2002).

Di China, jabatan-jabatan geografi terpaksa menghilangkan nama geografinya untuk memberi laluan kepada nama-nama seperti perancangan wilayah, analisis sumber, dan kajian persekitaran sebagai strategi menguruskan kesedaran awam yang begitu rendah terhadap nilai gunaan geografi pada tahun-tahun 1990an (Xiaojian, Yunfeng dan Baoyu 2007).

Di Jepun, meskipun pembaratan pendidikan telah berlaku sejak 1872, dan Persatuan Geografi Tokyo telahpun ditubuhkan dan menerbitkan jurnalnya sejak 1879, namun Geografi Manusia di Jepun seabad selepas itu masih merupakan geografi yang terlalu Jepunsentrik; penubuhan Persatuan Ahli Geografi Jepun pada 1925 dan Persatuan Geografi Manusia pada 1948 yang menerbitkan jurnal ‘Geografi Manusia’ juga tidak banyak mengubah sikap kurang mengendahkan tempat dan negara lain di dalam pengamalan Geografi Manusia di Jepun (Shinzo Kiuchi 1976).

Di Afrika Selatan, Geografi Manusia selepas apartheid bukan saja tersepit antara hasrat untuk memulihkan kebejatan ‘inhuman geography’ warisan apartheid dengan keperluan mengembangkan ‘applied geography’ positivist lantaran dasar pembangunan neo-liberal kerajaan pasca-apartheid, tetapi juga terpaksa berdepan dengan ‘apartheid’ di dalam politik penyelidikan geografi sendiri di mana hegemoni geografi Anglo-Amerika menyebabkan kajian-kajian kes geografi Afrika Selatan dikelaskan sebagai bertaraf tempatan (hanya mampu meningkatkan pemahaman mengenai ruang tempatan) dan kerana itu tidak kesampaian dalam menyumbang kepada pembinaan teori dalam Geografi Manusia antarabangsa (Mather 2007; Robinson 2003; 2004).

Di Australia, kerana jabatan, sekolah dan program geografi mengalami perlatakan semula dalam unit-unit akademik baru, maka mempertahankan kesatuan geografi sebagai satu disiplin merupakan pergelutan yang berterusan. Cabaran kemandirian menyebabkan Geografi Manusia bukan saja harus memakai banyak topi (ahli geografi budaya harus juga berperanan

sebagai ahli geografi sosial, ekonomi, peribumi, bandar, desa) tetapi juga harus bersedia menerima metafora rhizom sebagai mod kewujudan dan kehidupan barunya (Gibson 2007; Dowling 2005).

Di Sepanyol, golongan pessimis melihat bahawa geografi di Spanyol sekarang berada dalam keadaan yang paling buruk sehingga tidak mungkin lagi dapat meneruskan kemandirianya sebagai disiplin yang tersendiri. Isu terbesar ialah kesukaran menarik pelajar baru; jumlah pelajar geografi tahun pertama universiti bagi seluruh Sepanyol ialah 782 (2004) berbanding dengan 320 bagi hanya sebuah universiti di United Kingdom (Universiti Newcastle). Geografi juga terpinggir di Sepanyol apabila Geografi Manusia diperuntukkan sekadar 2 daripada 1,200 jawatan yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Sepanyol bagi semua disiplin. Semua ini menandakan bahawa Geografi Manusia bakal terungkai menjadi serpihan ekonomi ruang, sains kewilayahana atau analisis desa (Tapiador dan Mart-Henneberg 2007).

Di Kanada, di mana geografi akademik begitu terjalin dengan keperluan negara sehingga “...one can take Canadian geography out of Canada (but) one cannot take Canada out of Canadian geography” (Barnes 2007: 2), sumbangan besar kepada perkembangan disiplin Geografi Manusia telah dibuat menerusi sains reruang,(1960an) geografi *humanistic* (1970an) dan geografi migrasi antarabangsa dan pembentukan identity (1990an). Biarpun begitu, beberapa jabatan geografi telah ditutup kerana pertambahan bilangan pelajar yang mengambil geografi sebagai disiplin major tidaklah serancak pertambahan penduduk. Dengan merosotnya keahlian Canadian Association of Geographers sejak 2005, Geografi Manusia di Kanada masih dangkal jika dibandingkan dengan Geografi Manusia di United Kingdom atau di Amerika Syarikat (Barnes 2007: 1).

Malah, di Amerika Syarikat sendiri, di mana kedudukan institusi geografi di kolej dan universiti telah menjadi teguh sejak 15 tahun kebelakangan ini, disebabkan oleh meningkatnya minat masyarakat awam kepada isu-isu geografi, meningkatnya kesedaran geografi di lain-lain disiplin, revolusi geoteknologi, meluasnya pasaran kerjaya bagi ahli geografi, dan penambahbaikan dalam pendidikan geografi di sekolah rendah dan menengah (Murphy 2007). Geografi Manusia menunjukkan dua kelemahan utama. Kelemahan pertama ialah agenda penyelidikan yang mengabaikan perspektif antarabangsa (Lawson 2005). Kelemahan kedua ialah tidak menonjolnya tokoh-tokoh geografi dalam perdebatan awam,

atau dengan kata lain lemahnya peranan ahli geografi di Amerika Syarikat sebagai intelektual awam (Murphy 2006).

Akhirnya, di Britain di mana Geografi Manusia telah berdiri gagah di sepanjang kurun ke-20 sebagai disiplin tersendiri dalam pendidikan tinggi British, ekoran dari kekuatannya di dalam sistem sekolah negara itu. Kedudukan ini telah membolehkan disiplin Geografi Manusia di Britain berkembang semekarnya sehingga menjadi teras kepada banyak perkembangan intelek.

Namun begitu, sekarang ini timbul kerisauan tentang sejauhmana keperkasaan ini dapat dipertahankan atas beberapa sebab. Pertama, meskipun geografi masih merupakan salah satu mata pelajaran popular di sekolah, namun bilangan pelajar pra-universiti yang akan mengambil mata pelajaran geografi di peringkat pengajian tinggi telah merosot pada kadar 3 peratus setahun di sebabkan oleh meningkatnya popularity disiplin lain seperti kajian media, politik dan psikologi. Kedua, kerana sekarang ini pelajar universiti akan menanggung lebih banyak kos pengajian ijazah mereka, maka trendnya ialah mereka memilih disiplin yang jelas kaitannya dengan kerjaya. Hal ini sejajar dengan kejatuhan permohonan untuk ijazah geografi sebanyak 6 peratus di antara 2005 dan 2006. Ketiga, meningkatnya kecenderungan melemahkan hubungan dengan kajian kawasan yang bererti terhakisnya kepakaran kawasan Geografi Manusia di Britain. Keempat, kurangnya impak ahli geografi dalam debat awam ; dengan kata lain lemahnya peranan ahli geografi sebagai ilmuan awam (Sidaway and Johnston 2007).

ISU DAN CABARAN GEOGRAFI MANUSIA DI MALAYSIA

1. *Mempertahankan kesatuan jatidiri geografi sebagai satu disiplin yang koheren dan tersendiri di peringkat pengajian tinggi*

Geografi Manusia pendidikan tinggi di Malaysia mempunyai permulaan yang cukup baik apabila ianya diinstitusikan sebagai sebahagian daripada Jabatan Geografi Universiti Malaya yang membuka kampus Tanah Melayunya di Lembah Pantai, Kuala Lumpur dengan 5 orang kakitangan akademik dan am pada tahun 1959. Permulaan ini dikatakan cukup baik kerana, seperti dengan kampus Universiti Malaya di Singapura, ia mewarisi tradisi pendidikan tinggi geografi British, iaitu tradisi geografi yang sudahpun mantap berbanding dengan tradisi

geografi di negara-negara maju lainnya. Dari Jabatan Geografi, Universiti Malaya inilah lahirnya generasi watan sulung pengamal Geografi Manusia di negara ini.

Oleh itu tidaklah menghairankan jika Geografi Manusia yang diamalkan di Jabatan Geografi Universiti Malaya ini menjadi pentakrif kepada pertumbuhan selanjutnya disiplin Geografi Manusia di negara ini. Meskipun menggunakan sistem semester (ala Amerika), sekolah dan program, Geografi Manusia yang diinstitusikan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang sepuluh tahun kemudian (1969) tetap memperlihatkan kesatuan sebuah disiplin geografi yang koheren. Identiti akademik yang sama juga dikenalkan apabila Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan tahun berikutnya (1970), dan sehingga 25 dan 27 tahun kemudian apabila Program Geografi diwujudkan di bawah Sekolah Sains Sosial di Universiti Malaysia Sabah (1995) dan apabila Jabatan Geografi ditubuhkan di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (1997). Geografi mempunyai identiti yang jelas dan koheren, iaitu sebagai sebuah disiplin yang terdiri daripada komponen Geografi Manusia, Geografi Fizikal dan teknik-teknik sepunya.

Keadaan, bagaimanapun, mula berubah pada tahun-tahun 1980an. Misalnya, penubuhan Jabatan Sains Sosial di Universiti Putra Malaysia (ketika itu Universiti Pertanian Malaysia) pada tahun 1982 tidak menyertakan disiplin geografi manusia di dalamnya. Disiplin Geografi juga tidak kelihatan apabila Fakulti Ekologi Manusia diwujudkan di UPM pada tahun 1992. Hal ini berkekalan di UPM hingga ke hari ini. Memandangkan bahawa Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan (JSKP) di fakulti ini memberi tumpuan kepada Antropologi, Psikologi, Sosiologi, Kerja Sosial, Pembangunan Komuniti, dan Pengajian Bandar dan Wilayah. Ketiadaan ‘Geografi’ di sini merupakan tamparan kepada identiti disiplin Geografi Manusia khususnya sebagai satu sains sosial yang seharusnya berwibawa membicarakan tentang kesejahteraan masyarakat manusia dan alam sekitar. Tamparan ini tambah menyakitkan dengan ketiadaan ‘Geografi’ di Fakulti Ekonomi (FEP) dan Pengurusan meskipun fakulti ini merangkumi bidang Rekreasi, dan bidang Pelancongan (<http://www.fep1.upm.edu.my>) yang merupakan tujuan disiplin Geografi Manusia. Ternyata disiplin geografi tidak diketahui atau diiktirafi relawan di kalangan komuniti Sains Sosial dan Ekonomi di UPM.

Trend tergugatnya identiti Geografi Manusia ini berlaku pula di Universiti Utara Malaysia, universiti keenam yang ditubuhkan pada tahun 1984. Di sini Geografi Manusia hanya wujud sebagai satu segmen dalam bentuk sebuah kursus, iaitu kursus *HS3073 Geografi*

Pelancongan yang ditawarkan di bawah Jabatan Pelancongan di bawah Fakulti Pelancongan dan Pengurusan Hospitaliti yang ditubuhkan pada tahun 2003 sebagai menggantikan Sekolah Pengurusan Pelancongan yang ditubuhkan pada tahun 1999 (<http://fpha.uum.edu.my/>). Geografi Manusia tidak kelihatan sama sekali baik sebagai satu jabatan di bawah Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, mahupun sebagai satu program atau unit di Jabatan Pengrusan Sumber Manusia universiti berkenaan (<http://fpsm.uum.edu.my/>).

Gugatan lebih hebat, dan agak tidak terduga ialah apabila ianya berlaku di tempat yang dianggap sebagai salah sebuah teras institusi disiplin Geografi Manusia pengajian tinggi di Malaysia, seperti di UKM sendiri. Di sini kewujudan disiplin geografi sebagai satu jabatan di bawah satu fakulti sejak penubuhannya pada tahun 1970 telah berakhir 32 tahun kemudian apabila organisasi ruang institusi UKM distruktur semula pada awal 2002. Geografi tidak lagi wujud sebagai satu jabatan yang tersendiri tetapi cuma sebagai suatu program di bawah sebuah pusat (Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran) di bawah sebuah fakulti (Sains Sosial dan Kemanusiaan). Ertinya, berbanding dengan Geografi Manusia di Universiti Malaya dan USM, ruang institusi Geografi Manusia sebagai suatu subdisiplin tersendiri telah dikecilkan di UKM (Lampiran 1), meskipun pembinaan kapisiti akademik sepanjang tiga dekad lalu memampukan geografi di UKM bergerak sebagai satu jabatan jika pun tidak sebagai satu fakulti.

Hari ini penginstitusian Universiti Penyelidikan melemparkan cabaran paling getir kepada kewibawaan Jabatan dan Program Geografi di UKM, UM dan USM yang dianggap sebagai teras jatidiri Geografi pendidikan tinggi di Malaysia. Penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi, dan darinya Penguatkuasaan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang persediaannya sedang bermula sekarang, menuntut agar semua kursus Geografi menunjukkan secara objektif dan jelas kemahiran-kemahiran insaniah yang dapat dibuktikan relevan kepada pembinaan nilai kebolehpasaran para graduan. Sebagai contoh, kursus *Geografi Pertanian* yang pernah ditawarkan di UKM satu ketika dulu (dan kemudiannya terpaksa ditangguhkan untuk diserapkan sebahagiannya ke dalam kursus *Organisasi Ruang Desa* kerana keperluan mengurangkan bilangan kursus yang dibenarkan untuk ditawarkan oleh Program Geografi) kini dirancang untuk ditawarkan sebagai *Pembangunan Pertanian dan Industri Asas Tani*. Penamaan semula kursus-kursus Geografi seperti ini di mana jenama Geografi dimansuhkan oleh institusi disiplin Geografi itu sendiri sesungguhnya melambangkan betapa gentingnya isu dan cabaran jatidiri yang sedang dihadapi oleh Geografi pendidikan tinggi di Malaysia amnya.

2. Menjamin kemandirian institusi geografi manusia di peringkat pengajian tinggi

Geografi universiti adalah nadi kemandirian geografi sebagai disiplin ‘sole-subject’ di Malaysia. Tanpa geografi di universiti maka akan hilanglah jatidiri dan integriti geografi sebagai satu disiplin ilmu kerana di universitilah epistemologi dan metodologi disiplin Geografi dikembang dan dimajukan menerusi aktiviti pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, persidangan dan penerbitan.

Namun, masalah yang sedang merundung Geografi universiti di Malaysia ialah hakikat bahawa bilangan pelajar yang bakal mempelajari geografi di universiti-universiti Malaysia semakin berkurangan. Ini berkait secara langsung dengan semakin mengecilnya bilangan pelajar sekolah menengah yang mengikuti mata pelajaran geografi ekoran dari dasar kerajaan (KBSM) tidak menjadikan geografi sebagai mata pelajaran wajib (teras) di sekolah menengah sejak 14 tahun dahulu (Jadual 1).

Jadual 1: Jumlah pelajar sekolah menengah yang mengambil mata pelajaran geografi dari tahun 1991 –2006

Tahun	Bil. Pelajar	% Perubahan (Dari Tahun sebelumnya)	% Perubahan (Dari Tahun Sebelum KBSM, 1991)
1991	153,525		-
1992	152,712	-0.53	-0.53
1993	86,673	-43.2	-43.54
1994	86,248	-0.49	-43.82
1995	75,893	-12.0	-50.57
1996	78,805	+3.83*	-48.68
1997	74,662	-5.25	-51.37
1998	74,994	+0.44*	-51.15
1999	71,150	-5.12	-53.66
2000	66,125	-7.06	-56.93
2001	57,857	-12.5	-62.31
2002	55,563	-3.96	-63.81
2003	51,722	-6.91	-66.31
2004	48,618	-6.00	-68.33
2005	40,838	-16.0	-73.40
2006	44,036	+7.83*	-71.32

Sumber : Disesuaikan dan ehsan dari Aris Othman (2008)

* Peningkatan berpunca dari meningkatnya bilangan pelajar keseluruhannya

Seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1, sejak KBSM dilaksanakan pada tahun 1991, bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran geografi telah turun secara mendadak sebanyak lebih 43 peratus pada tahun 1993 dan sehingga lebih 71 peratus pada tahun 2006. Secara kasar ini menunjukkan bahawa sumber bekalan pelajar Geografi di UM, USM, UKM, UMS dan UPSI telah mengecil sebanyak hampir 4 kali ganda pada masa sekarang berbanding dengan 14 tahun lalu.

Hari ini tidak banyak lagi sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran Geografi di peringkat Tingkatan 4 dan 5 serta Tingkatan Enam. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor (Rodzli Hashim 2007):

- (a) KPM terlalu menekankan mata pelajaran Sains dan Matematik sehingga menjadikan pelajar mencapai jumlah mata pelajaran yang maksimum (antara 10 - 12 mata pelajaran bagi SPM). Ini menjadikan pelajar aliran sains tidak berpeluang mengambil mata pelajaran Geografi.
- (b) Akibat kenaikan pangkat dan bersara, sekolah-sekolah menghadapi masalah kekurangan guru Geografi, termasuk guru opsyen Geografi. Ini kerana Guru Geografi sedia ada telah diarah mengajar mata pelajaran lain memandangkan sekolah tidak lagi menawarkan mata pelajaran Geografi.
- (c) Pentadbir sekolah tidak berminat atau tidak menekankan agar sekolah membuka kelas Geografi Tingkatan 4 atau 6 kerana sebahagian besar pentadbir ini bukanlah dari bidang Geografi.
- (d) Pelajar merasa Geografi kurang penting kerana tidak tahu kerjaya Geografi di IPT dan sektor pekerjaan di samping "promosi" mata pelajaran sains dan matematik yang berlebihan.

Kekurangan guru Geografi menengah atas terutama di Tingkatan 4 hingga 6 berlaku kerana sangat kecilnya jumlah graduan guru Geografi yang dilahirkan oleh UKM, UM, USM dan UPSI. Keadaan ini mencerminkan putaran ganas yang sedang berlaku terhadap mata pelajaran Geografi di negara ini di mana jatuhnya martabat Geografi di sekolah → kurangnya bilangan pelajar yang mengambil disiplin Geografi di universiti tempatan → kurangnya guru graduan Geografi di sekolah → merudumnya martabat Geografi di sekolah. Dalam pada itu, IPG (Institut Pendidikan Guru) tidak lagi menawarkan kursus latihan dalam bidang Geografi. Mata pelajaran Geografi hanya bertaraf "satu topik" sahaja dalam latihan guru bidang kemanusiaan.

Kesan daripada peremehan mata pelajaran Geografi di sekolah sesungguhnya merupakan suatu kerugian bagi Malaysia:

Sebahagian besar golongan remaja dan dewasa (yang dididik dalam zaman Geografi menjadi elektif) "sangat lemah" pengetahuan lokasi negara sendiri atau negara luar. Dalam hal ini, terdapat kakitangan kerajaan peringkat ijazah yang tidak tahu di mana letaknya Kata Baharu kerana ia bertanya rakannya, "Mengapa kita tidak melintasi Kota Baharu dalam perjalanan dari Ipoh ke Johor Baharu?" (catatan: kisah benar sekumpulan kakitangan kerajaan yang dalam perjalanan menjalankan tugas di Johor). Geografi adalah mata pelajaran untuk kehidupan, bukan sekadar untuk lulus peperiksaan. Golongan yang kini rakus merosakkan alam sekitar negara atas nama pembangunan dan ekonomi adalah dari generasi Geografi menjadi elektif ... Satu kajian ilmiah juga boleh dijalankan untuk membuktikan fenomena ini (Rodzli Hashim 2007)

Terdapat semacam kecelaruan di pihak kerajaan dalam konteks pentarafan mata pelajaran Geografi di sekolah menengah dinegara ini. Pada satu pihak mata pelajaran Geografi diletakkan di peringkat yang tinggi dengan pewujudan jawatan Guru Cemerlang Geografi. Kini terdapat satu GC Geografi Gred Khas C; satu GC Geografi Gred DG54; enam belas GC Geografi Gred DG48. Namun, pada pihak yang lain, status Geografi sebagai mata pelajaran elektif menjadikan mata pelajaran ini terpinggir.

3. Menjamin keserlahan peranan geografi dalam masyarakat

Subdisiplin geografi manusia di peringkat pengajian tinggi menghadapi krisis kerelevanannya bilamana ahli Geografi Manusia sebagai pengamalnya tidak mendapat ruang dalam perdebatan awam (public debate). Meskipun ramai juga ahli geografi manusia di negara ini terlibat dalam penyelidikan baik yang bersifat 'policy relevant' maupun yang bersifat 'policy driven', namun suara mereka atau pendapat mereka sebagai intelek awam sangat jarang didengar atau dibaca di gelanggang awam, berbanding dengan pengamal-pengamal disiplin sains sosial dan kemanusiaan lainnya. Boleh dikatakan tiada ahli Geografi Perkhidmatan yang diminta pandangannya sama ada oleh media elektronik atau media cetak untuk membahaskan isu-isu penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan sosial bagi masyarakat awam di negara ini. Tiada ahli Geografi Politik atau geografi pilihanraya yang diminta mengupas faktor-faktor yang mempengaruhi pola keputusan pilihan raya kecil atau umum di negara ini. Tiada juga ahli Geografi Kesejahteraan Hidup yang diminta mengulas tentang ketaksamaan taraf hidup penduduk di negara ini. Semua ini menunjukkan, antara lain, bahawa Geografi Manusia tidak dilihat, tidak dikenali, dan tidak diyakini sebagai 'players' dalam gelanggang isu-isu awam.

Dalam pada itu, bila benar terdapat ahli geografi yang diminta pandangannya dalam perbincangan mengenai sesuatu isu kepentingan awam, maka kredibiliti beliau bukanlah bererti kredibiliti disiplin geografi manusia itu sendiri. Seorang ahli Geografi Gender, misalnya, dijemput untuk berbicara tentang isu seperti wanita dan pembangunan di negara-negara Islam, bukan kerana kearifan dan kepakaran Geografi Gender beliau tetapi kerana kearifan dan kepakaran beliau mengenai ‘soal-soal gender’ itu sendiri yang dianggap bukan Geografi. Dalam hal ini peranan ilmu Geografi itu tidak terserah sama. Malah di Malaysia, lebih mudah bagi ahli Geografi Gender yang dirujuk kepada gendernya oleh jabatan dan agensi kerajaan, institusi awam dan NGO, untuk mengatakan bahawa beliau datang dari Sains Sosial daripada mengatakan beliau datang dari Geografi (manusia) Gender.

Sebenarnya tercicirnya perspektif Geografi dalam perdebatan isu-isu awam juga berlaku di kalangan ahli geografi di negara maju. Misalnya, kajian Peter Dicken (2004) mendapati bahawa meskipun ahli geografi telah banyak memberi tumpuan kepada konsep globalisasi – suatu proses yang begitu geografis fitrahnya – namun karya mereka umumnya diabaikan dalam perbincangan perdana mengenai globalisasi. Daripada 27 buku paling berpengaruh mengenai globalisasi, rujukan kepada hasil kerja ahli geografi oleh para penulis 27 buku ini amatlah kecil sekali. Keadaan ini mencerminkan sejarah pemencilan disiplin Geografi Manusia, di samping kurangnya kajian-kajian ketara yang mengaitkan kesarjanaan Geografi dengan isu-isu besar hari ini.

Alexander Murphy, Presiden Persatuan Ahli Geografi Amerika, mengenal pasti empat isu saling berkait yang menyebabkan tidak menonjol dan terserahnya perspektif Geografi dalam debat awam:

(i) Keghairahan ahli geografi dengan penyelidikan berskala mikro sehingga ianya tidak diseimbangkan dengan keperihatinan kepada isu-isu besar hari ini telah menyukarkan ahli geografi untuk menyertai debat awam mengenainya. Isu-isu besar seperti pengaruh global Amerika Syarikat, bantuan antarabangsa, terorisma dan keselamatan negara, berakhirnya zaman minyak, perkahwinan gay, pembunuhan beramai-ramai di Rwanda, dan pengeksportan pekerjaan ke dunia membangun semuanya mempunyai dimensi geografi, tetapi kajian-kajian Geografi yang membicarakannya secara menyeluruh sangat jarang ditemui .

(ii) Kecenderungan ahli geografi meninggalkan geografi kawasan (*regional geography*) sehingga mereka kehilangan pengetahuan yang mendalam dan meluas tentang formasi dan proses regional untuk mengupayakan mereka menyertai debat awam mengenai

isu-isu besar regional. Apakah implikasi penembusan ekonomi China di Asia Tenggara? Apakah prospek meningkatkan demokrasi di Afrika subsahara? Bagaimanakah pengembangan Kesatuan Eropah mempengaruhi ekonomi dan penduduk bekas Eropah Timur, malah pengkonsepsian mengenai Eropah itu sendiri? Semua persoalan ini tidak mungkin dijawab tanpa pengetahuan regional yang cukup mendalam dan meluas.

(iii) Perselisihan teori-merangkap-metodologi, antara khemah ahli sains reruang dengan khemah ahli teori sosial dalam disiplin geografi manusia itu sendiri sehingga menghakis sinergi dalaman disiplin ini dan menjelaskan usaha menyemarakkan impaknya ke atas debat awam. Disiplin geografi manusia akan menjadi perkasa dari segi idea dan kemahiran apabila kedua pihak ini bekerjasama:

Every layer in a GIS is the product of a conceptualization that, if left unexamined, can take us right back down the path of creating mathematically elegant models that have limited or no explanatory potential. And social theories that are not examined against the backdrop of tangible arrangements and practices can hamper our ability to speak to scientists, policymakers, or the public at large about the changing human and physical geography of the planet. If we are to say something meaningful about geopolitical shifts, environmental alteration, or uneven development, we need to bring as broad and deep a range of tools to the table as possible. In short, we need to bring ideas and skills that range across the discipline of geography (Murphy 2006 : 8).

(iv) Kecenderungan ahli geografi mensasarkan komunikasi mereka sesama sendiri. Ertinya, cara dan gaya penulisan ahli geografi, topik penyelidikan yang mereka ungkapkan, dan saluran yang mereka pilih untuk penerbitan mereka (penerbit universiti) semuanya adalah lebih untuk memenuhi tujuan berkomunikasi dengan lain-lain ahli geografi sahaja. Walaupun ada percubaan ahli geografi untuk menerbitkan hasil kerja mereka dalam jurnal-jurnal antara dan luar disiplin, namun bilangan yang menulis dalam saluran penerbitan untuk pembuat dasar dan masyarakat awam masih terlalu kecil.

4. *Menjana keupayaan geografi manusia di Malaysia menonjolkan diri di peringkat antarabangsa*

Sebagai disiplin yang diamalkan di negara membangun, keupayaan Geografi Manusia di Malaysia untuk menonjolkan diri di persada antarabangsa banyak bergantung kepada sejauhmana ianya dapat memenuhi dan menepati tanda-tanda aras kecemerlangan pengantarabangsaan menurut arus perdana, iaitu yang diterima pakai oleh ‘komuniti akademik

geografi manusia antarabangsa', khususnya yang berbahasa Inggeris. Geografi Manusia di Sepanyol, misalnya, meskipun begitu vibran, tidaklah mewakili pengertian ini kerana sebahagian besar pengamalannya (misalnya lebih 70 jurnal geografi) menggunakan bahasa Sepanyol (Tapiador dan Mart-Henneberg 2007). Dengan kata lain, geografi manusia yang dikarya dan diamalkan di Eropah dan Amerika Utara, di mana geografi manusia British dilihat sebagai peneraju (Sidaway dan Johnston 2007).

Satu cara pintas untuk menilai sejauhmana geografi manusia di Malaysia telah tidak berjaya menepati tanda aras kecemerlangan pengantarabangsaan arus perdana ini ialah dengan meninjau prestasi Jabatan Geografi Universiti Kebangsaan Singapura (JGNUS) kerana jabatan ini bolehlah dikatakan melambangkan kejayaan sebuah jabatan geografi dari negara yang asalnya bertaraf membangun untuk berdiri sama tinggi dengan jabatan geografi yang terkemuka dan terkehadapan di Barat. Tambahan pula JGNUS mempunyai sejarah permulaan yang sama dengan jabatan geografi tertua di Malaysia, iaitu Jabatan Geografi Universiti Malaya.

Dari segi penerbitan, kakitangan akademik JGNUS semuanya mempunyai penerbitan dengan jurnal antarabangsa seperti *Annals of the Association of American Geographers*, *Transactions of the Institute of British Geographers*, *Progress in Human Geography*, *Economic Geography*, *Urban Studies*, *Environment and Planning*, *Acme: An International E-Journal for Critical Geographies*, *International Journal of Urban and Regional Research*, *Annals of Tourism Research*, *Journal of Transport Geography* dan sebagainya. Selain itu, jurnal JGNUS *Singapore Journal of Tropical Geography* merupakan corong suara yang cukup nyaring untuk melaungkan keantarabangsaan JGNUS. Jurnal ini diterbitkan oleh penerbit antarabangsa tersohor Blackwell Publishing dan disenaraikan di dalam laporan sitasi jurnal ISI® (International Scientific Information®, sekarang Thomson Scientific) bagi geografi, dengan pentarafan 26/39 bagi tahun 2006 dan faktor impak 0.872. Salah seorang editornya, James D. Sidaway, merupakan rakan penulisan ahli geografi manusia tersohor R.J.Johnston dan dengan itu menjadi lambang 'jaminan kualiti' antarabangsa JGNUS.

Dari segi tenaga pengajar, terdapat kehadiran ahli-ahli geografi dari arus perdana antarabangsa sebagai tenaga akademik JGNUS. Dari segi penyelidikan, Geografi Manusia bukan saja 62% daripada keseluruhan kekuatan penyelidikan di JGNUS, tetapi juga melibatkan jaring kerja dengan institusi dan universiti di luar negara.

Selain daripada memastikan tenaga akademiknya mempunyai reputasi antarabangsa yang ketara, JGNUS juga membina secara sistematik keterdedahan 20 - 30 peratus pelajarnya kepada dunia global menerusi program pertukaran pelajar tahunannya (SEP). Antara negara yang menjalin MOU pertukaran pelajar dengan JGNUS ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, New Zealand, Denmark, Sweden, Holland dan Hong Kong .

Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah JGNUS dapat menghasilkan pencapaian pengantarabangsaan yang begitu menonjol?

Apa yang jelas ialah pencapaian dalam persidangan dan penerbitan antarabangsa dapat dimungkinkan kerana adanya budaya penyelidikan yang intensif didorong oleh cita-cita kerajaan Singapura untuk melihat universiti-universiti Singapura mampu berdampingan dengan universiti penyelidikan bertaraf dunia .Suntikan dana khusus oleh kerajaan Singapura (mutakhir sebanyak S\$12 bilion bagi tempoh 2006–2010) untuk membiayai penyelidikan universiti membawa kepada rangsangan dan penumpuan sepenuhnya tenaga akademik kepada aktiviti penyelidikan yang dapat diterbitkan di dalam jurnal ‘top tier’ di Barat (Kong 2007: 48).

Bagaimanapun, sayugia diingat bahawa sebelum perlaksanaan dasar universiti penyelidikan oleh kerajaan Singapura ini keterbukaan kepada perkembangan antarabangsa sudah pun menjadi tradisi JGNUS. Sistem penilai atau pemeriksa luar yang diwarisi dari British sejak tahun 1949 dahulu telah diteruskan sehingga penghujung 1990an apabila sistem penilaian cara jawatankuasa ala sistem Amerika Utara pula diamalkan. Kesannya ialah penerapan ‘best practices’ dari Barat ke dalam kurikulum JGNUS selaras dengan trend penyelidikan mutakhir di Barat. Misalnya, JGNUS telah menerapkan apa yang diistilahkan sebagai ‘cultural turn’, geografi gender, perspektif pasca-struktural dan sebagainya didalam kurikulum dan agenda penyelidikan intensifnya (Kong 2007: 49-50). Semua ini menandakan betapa ‘maju’nya Geografi Manusia di JGNUS dan menyerlahkan lagi keantarabangsaannya.

Sebaliknya, semua tanda aras kecemerlangan dan pengantarabangsaan seperti yang tercapai di JGNUS tidak kelihatan di jabatan-jabatan geografi Malaysia. Tidak ada seorang ikon geografi manusia antarabangsa (Barat) pun yang menjadi tenaga akademik mereka; tidak ada sebuah penerbit geografi antarabangsa (Barat) pun yang menerbitkan jurnal flagship mereka; tidak ada skim pertukaran pelajar dengan universiti-universiti terkemuka Barat yang dilaksanakan mereka; tidak ada sistem penilaian luar oleh peneraju geografi manusia Barat

yang ditradisikan mereka; dan tidaklah ada ‘cultural turn’, perspektif pasca-struktural dan sebagainya didalam kurikulum (modul kursus) dan agenda penyelidikan mereka.

Faktor dasar kerajaan menjadi punca utama bagi semua ketiadaan ini. Dasar pendidikan kebangsaan sejak 1970 mengakibatkan dan mewajarkan orientasi ke dalam (inward looking) Geografi Manusia di Malaysia. Ketiadaan dasar universiti penyelidikan (sekurang-kurangnya sejak tahun 1990an) menyempitkan bidang dan mengerdilkan kualiti penyelidikan geografi manusia, lantas mewujudkan *inertia* untuk mengemaskini pengetahuan dan penguasaan trend pemikiran, kurikulum pengajaran, penyelidikan dan penerbitan terkini geografi manusia antarabangsa.

MEMPERKASAKAN GEOGRAFI MANUSIA DI MALAYSIA

1. Bagaimakah caranya *mempertahankan kesatuan jatidiri geografi sebagai satu disiplin yang koheren dan tersendiri di peringkat pengajian tinggi* di negara ini?

Satu strategi bagaimana jabatan, program atau unit formal geografi di Malaysia dapat dipertahankan daripada ditutup atau dibubarkan ialah dengan menyepadukan sumber semua entiti organisasi Geografi yang ada di negara ini untuk menentang sebarang penutupan atau pembubaran itu. Satu contoh keberkesanan strategi ini ialah kes kempen menyelamatkan kewujudan Program Geografi di Universiti New South Wales (UNSW), Australia:

The traditional representative organizations of the discipline - the Institute of Australian Geographers, the Geographical Society of New South Wales - helped enormously by writing long, forcefully argued letters in support of the institution. UNSW geography students were quickly and effectively mobilized, initiating a letter-writing campaign and working through alumni and national geography lists to obtain literally hundreds of letters of support for the programme. Staff in other geography units, from nearby Sydney, Wollongong and Newcastle and further afield in Adelaide, Perth and beyond, provided invaluable formal and informal assistance, when they could have nonchalantly observed events from afar (or gloated in the sense of having out-competed UNSW for survival). Many wrote letters and emails, and others offered much needed advice and sympathy in private conversations at conferences and on the telephone with staff. Within the university, campaigns were mounted by unions and student representative organizations, who lodged grievances and published articles, while postgraduate and undergraduate students established an email list, wore 'Save Geography at UNSW' T-shirts around campus, rallied outside academic board meetings, demanded a voice in decision-making forums, and demonstrated a passion for the discipline well beyond the limits of typical student activism. Such efforts all

made a difference when debates on geography's future were aired in key university committees, and when final decisions were made (Connell, 2005).

Iktibar daripada strategi rizom ialah sekiranya ahli geografi di Malaysia berjaring kerja dan bergerak secara kolektif dalam menyemarakkan disiplin ini maka jatidiri Geografi dapat dipertahankan.

Strategi kedua ialah mengartikulasikan betapa berlainannya pendekatan ilmu Geografi dan betapa kelainan ini boleh membuat sumbangan penting kepada pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Di Malaysia dewasa ini boleh dikatakan bahawa sumbangan geoteknologi (GIS, RS,GPS) telah berjaya mewujudkan ‘spatial turn’ dan dengan itu menonjolkan kebolehan , dan meningkatkan martabat Geografi di arena pendidikan tinggi di negara ini. Perkembangan ini tentunya wajar di kembangkan di dalam Geografi Manusia seperti yang telah dilakukan oleh USM menerusi penawaran kursus-kursus HGT524/4 Sains Maklumat Geografi dalam Perancangan Sosial dan Dasar Awam dan HGT522/4 Sains Maklumat Geografi dalam Perancangan Perniagaan & Perkhidmatan. Begitu juga dengan sumbangan program, modul-modul dan kursus Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Penilaian Impak Sosial (SIA) dan pengurusan alam sekitar yang telah, sedang dan bakal ditawarkan oleh hampir semua organisasi Geografi pendidikan tinggi di negara ini.

Bagaimanapun, bersandar kepada dimensi teknik dan gunaan sahaja tidaklah memadai dalam memperkasakan jatidiri disiplin Geografi Manusia. Penyerahan literasi Geografi dalam pendidikan tinggi juga menuntut kewibawaan dalam mengartikulasikan perspektif Geografi selain daripada perspektif gunaan alam sekitar, khususnya di medan di mana Geografi Manusia bertembung dengan disiplin-disiplin Sains Sosial dan Kemanusiaan lainnya.

Tuntutan ‘masuk gelanggang’ antara disiplin ini telah cuba ditunaikan di Fakulti Sains Sosial dan Kumanusiaan, UKM, misalnya, menerusi penglibatan ahli Geografi Manusia dalam kursus SKAP 6013 (Wacana Pemikiran Sosial), SKPD1013 (Pengantar Sains Sosial), SKPD1043 (Pengantar Falsafah) dan kursus SKAP1013 (Alam, Manusia dan Budaya). Semua kursus ini berbeza tentang perspektif Geografi Manusia yang hendak diajukan. Dalam SKAP1013, Geografi Manusia yang diutarakan ialah hubungan manusia dan alam sekitar, iaitu perspektif yang paling ‘obvious’ dan mudah diikuti oleh pelajar tahun pertama. Sebaliknya dalam SKAP 6013 perspektif keruangan (*spatiality*) kehidupan manusia diwacanakan untuk menunjukkan betapa realiti kehidupan sosial masyarakat manusia tidak hanya ditentukan oleh hal-hal antropologi dan sosiologi semata-mata. Dalam SKPD1013

pula, perspektif Geografi Manusia yang diutarakan ialah konsep tempat (*place*), ruang (*space*) dan kawasan (*region*) – ketiga-tiganya mewakili skala-skala struktur ruang kehidupan sosial serta proses-proses ruang yang menghubungkaitkannya. Dalam SKPD1043, kesempatan yang diambil oleh Geografi, khususnya Geografi Manusia ialah untuk menunjukkan bagaimana pemikiran falsafah tentang alam dan kemanusiaan telah menjadi ‘precursor’ kepada kelahiran disiplin Geografi.

Dengan dasar ‘masuk gelanggang’ ini, Program Geografi di UKM berharap dapat menjustifikasikan jatidiri disiplinnya, dan dengan itu, pengekalan kewujudannya, di samping memanfaatkan peluang memancing minat pelajar luar dari Program Geografi sendiri.

Sebenarnya masih banyak lagi gelanggang antara disiplin yang boleh dan harus disertai oleh Geografi Manusia untuk menjelaskan kepada bukan ahli geografi tentang dimensi yang bukan sekadar penting atau relevan tetapi mustahak (*crucial*) yang menjadi urusannya. Antaranya ialah gelanggang globalisasi di mana konsep glokalisasi masih belum diartikulasikan dengan baiknya oleh Geografi Manusia berbanding dengan ahli sosiologi. Satu lagi gelanggang ialah ‘integriti’ di mana perspektif Geografi Moral, yang telah berkembang di Barat (lihat misalnya Smith 2000), masih belum dikuasai secara terperinci oleh Geografi Manusia di negara ini menyebabkan gelanggang ini tidak dimasuki oleh ahli Geografi Manusia di negara ini.

(2) Bagaimanakah caranya *menjamin kemandirian institusi geografi manusia di peringkat pengajian tinggi* di negara ini.

Jawapan yang jelas ialah mata pelajaran Geografi mestilah dimartabatkan semula di sekolah menengah Malaysia sama ada sebagai mata pelajaran teras atau wajib. Para pengamal Geografi di institusi pengajian tinggi di negara ini, dengan diterajui oleh Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia, mestilah mengambil inisiatif memulakan proses ini. Metod yang digunakan haruslah memperlihatkan kepekaan kepada sensibiliti politik dan budaya governans Malaysia. Hujahan yang ditampilkan mestilah berasaskan segala kajian ilmiah yang telah dan sedang dijalankan sama ada oleh ahli akademik sendiri (lihat misalnya Abdul Hamid & Mohmadisa 2004; Norizan dan Wan Ruslan 2005) atau pun oleh pelajar pasca siswazah (lihat misalnya Mohd Rosli Mohd Razali 1997; Aris 2007). Sebuah persidangan berprofail tinggi, seperti kongres atau konvensyen Geografi Malaysia, bolehlah dianjurkan oleh Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia dengan penglibatan dan kerjasama semua

institusi Geografi universiti bukan saja sebagai pernyataan iltizam baru untuk memartabatkan pendidikan Geografi di negara ini, tetapi juga sebagai batu loncatan untuk melandaskan kempen melobi yang berterusan sehingga mata pelajaran geografi di sekolah dimartabatkan semula.

Dalam pada itu, geografi di sekolah mestilah diperkuatkan. Penubuhan sebuah persatuan geografi khusus untuk dianggotai oleh guru-guru dan aktivis geografi di sekolah boleh memberi pentas kepada geografi sekolah bukan saja untuk menonjolkan kehadiran Geografi dalam pendidikan menengah di negara ini, tetapi juga untuk menjalankan hubungan yang organik dengan Geografi di universiti. Dalam hubungan ini, Malaysia boleh mengambil iktibar daripada pengalaman di United Kingdom di mana mata pelajaran Geografi tidak menjadi mata pelajaran teras atau wajib di sekolah. Di sini kekuatan geografi sekolah, menerusi instrumen Geographical Association (GA) – yang ditubuhkan pada tahun 1893 dengan tujuan utama mempromosi pengajaran geografi di sekolah – dan gandingannya dengan Royal Geographical Society (RGS), telah menghidupkan geografi di universiti dengan terus menerus membekalkan pelajar kepada geografi universiti sehingga Geografi di United Kingdom dapat berkembang maju dan muncul sebagai institusi Geografi paling dominan di dunia hari ini (Sidaway & Johnston 2007).

(3) Bagaimanakah caranya *menjamin keserlahan peranan geografi dalam masyarakat*

Cabaran yang dihadapi oleh disiplin dan pengamal Geografi Manusia dalam menangani situasi ini memerlukan usaha yang melepas sekadar mempromosi Geografi sebagai suatu disiplin. Barangkali cara yang terbaik buat masa ini ialah menggabungkan inisiatif peribadi setiap ahli Geografi Manusia dengan peranan proaktif Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia.

Ahli Geografi Manusia di Malaysia mestilah mengamalkan dasar ‘masuk gelanggang’ masyarakat awam. Sikap mengekalkan zon selesa yang diamalkan sekarang mestilah disemak semula jika ianya tidak membantu mereka keluar dari tempurung *specialism* yang selesa itu. Mereka perlu mengambil tahu apakah isu-isu hangat yang diperkatakan di luar sana dan memikirkan secara kreatif bagaimana mereka boleh menceburinya.

Seorang ahli Geografi Petempatan, misalnya, mestilah boleh mengaitkan dirinya dengan isu Israel-Palestin memandangkan krisis ini menarik perhatian sebahagian besar masyarakat Malaysia, dan relevan pula dengan peranan Malaysia dalam OIC. Seorang ahli

Geografi Pengangkutan mestilah boleh berbicara tentang isu kadar kemalangan jalan raya yang menyebabkan begitu banyak kehilangan nyawa di Malaysia. Seorang ahli Geografi Penduduk mestilah dapat memperkatakan tentang isu pembinaan modal insan di Malaysia. Seorang ahli Geografi Sosial mestilah boleh menyertai perbincangan mengenai isu kehadiran komuniti pekerja asing yang ramai di negara ini. Seorang ahli Geografi Bandar mestilah boleh menyertai forum di televisyen yang membincangkan tentang masalah kehidupan masyarakat marhaen (*urban poor*) di Lembah Kelang. Seorang ahli Geografi Pertanian mestilah boleh membicarakan isu melahirkan usahawan tani setelah negara ini melahirkan satu generasi yang buta tani. Seorang ahli Geografi Kawasan Malaysia, ASEAN atau Asia Pasifik mestilah boleh bercakap di televisyen atau radio tentang misalnya, isu dayasaing Malaysia dalam arus globalisasi dan kebangkitan rantau Asia Pasifik dan sebagainya.

Sementara itu, Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia boleh memainkan peranan proaktif dengan mengaktifkan biro seranta yang memantau dan memaklumkan kepada ahli Geografi tentang isu-isu hangat semasa yang menarik perhatian masyarakat Malaysia. Biro ini juga boleh menghasilkan itineri mengenai slot di berbagai saluran televisyen dan berbagai stesyen radio dalam negara yang memberi pentas kepada tokoh akademik berbicara, dan menyampaikan semua maklumat ini kepada ahli Geografi di pusat pengajian tinggi. Biro ini juga boleh berjaring kerja dengan pihak media untuk mendapatkan luang dan ruang bagi menampilkan ahli Geografi. ke khalayak awam. Dengan cara ini masyarakat dapat mengenal apakah itu Geografi Manusia dan sekali gus dapat melihat bahawa Geografi Manusia adalah ilmu yang boleh dimasyarakatkan. Impresi demikian dapat menyumbang kepada kemandirian dan jatidiri Geografi Manusia di negara ini.

(4) Bagaimanakah caranya *menjana keupayaan geografi manusia di Malaysia menonjolkan diri di peringkat antarabangsa*

Dalam hal ini Geografi Manusia di Malaysia tidak mempunyai pilihan selain daripada menyemak kembali sejauhmana ianya telah tercicir dan tersesar dari radar pencapaian Geografi Manusia antarabangsa dan mengatur langkah membaiki keciciran itu. Sementara tidaklah perlu bagi Jabatan Geografi di UM, atau Program Geografi di USM dan di UKM menjadi satu lagi JGNUS, beberapa langkah yang telah dilaksanakan oleh JGNUS dalam mencapai pengiktirafan Geografi antarabangsa ini bolehlah dicontohi. Malah, dengan

bermulanya era Universiti Penyelidikan di Malaysia sekarang ini beberapa langkah konkret seperti mendatangkan pemeriksa luar dan malim Geografi antarabangsa boleh dilaksanakan.

Langkah melantik penerbit antarabagsa seperti Blackwell, atau Routledge atau Curzon untuk *Malaysian Journal of Tropical Geography* (MJTG) juga boleh difikirkan. Meskipun langkah ini bererti MJTG akan mempunyai editor dari kalangan malim Geografi antarabangsa, namun ini tidak seharusnya meresahkan ahli Geografi tempatan yang bermasalah menulis dalam bahasa Inggeris. Ini kerana pendekatan yang mengupayakan (*enabling*) boleh diterokai bagi menjaga kepentingan mereka. Misalnya, hasil kajian yang ditulis dalam bahasa Malaysia boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan kemudiannya diperbaiki penyampaian dan penggarapannya oleh penulis bersama dari kalangan ahli Geografi antarabangsa.

Sesungguhnya pengantarabangsaan Geografi di Malaysia boleh membantu proses memurnikan Geografi antarabangsa itu sendiri. Ini kerana sekarang telah mula muncul kecenderungan untuk menyahkan (*decentering*) berbagai cabang Geografi Manusia dari kiblat Inggeris-Amerika, bukan saja di kalangan ahli Geografi Manusia bukan Inggeris-Amerika (lihat misalnya Desbiens 2006; Garcia-Ramon 2003; Guitierrez and López-Nieva 2001) tetapi juga oleh ahli Geografi Manusia Inggeris-Amerika sendiri (lihat misalnya Gregory 2004; Short *et. al.* 2001).

Namun, bagaimanakah Geografi Malaysia dapat memasuki gelanggang ini secara berkesan jika ahli-ahlinya tidak mengikuti perkembangan semasa Geografi Manusia antarabangsa (Inggeris-Amerika) itu sendiri, jika mereka masih lagi belum mengetahui, biarpun secara kasar, misalnya, apa itu ‘Critical Theory’, ‘cultural turn’, ‘poststructuralist deconstruction’ dan sebagainya dalam Geografi Manusia semasa antarabangsa (Barat) itu?

Sudah sampai ketikanya ahli Geografi Manusia Malaysia membaharui dan mengemaskinikan keupayaan dan orientasi mereka; agar tafsiran bukan Inggeris-Amerika – mengenai isu seperti dilema pembangunan negara Selatan-Selatan, Islamofobia dan terorisma, Islam dan gender, demokrasi di Afrika, peranan komuniti Cina seberang laut dalam kebangkitan Asia Pasifik, kontradiksi globalisasi di India, dan sebagainya – dapat ditampilkan untuk mengimbangi naratif dan wacana ahli Geografi Manusia Barat.

KESIMPULAN

Memperkasakan Geografi Manusia di Malaysia sesungguhnya menuntut lebih daripada suntikan perspektif alam sekitar dengan geoteknologinya yang canggih. Meskipun tidak dinafikan bahawa semua ini telah mengupayakan Geografi untuk membekalkan kemahiran praktikal yang boleh dikerjakan oleh pelajarnya, dan dengan itu mengukuhkan lagi kedudukan institusi disiplin ini, namun akhirnya Geografi Manusia di negara ini, seperti juga Geografi Manusia di negara lain, dan seperti juga Sains Sosial dan Ilmu Kemanusiaan lainnya, harus dapat membuktikan kemampuannya menangani cabarannya yang lebih fundamental, iaitu menghasilkan kefahaman yang mendalam dan bererti mengenai pelbagai cabaran yang harus ditangani oleh manusia dalam mengharungi kehidupan di pelbagai skala ruang di muka bumi ini. Untuk itu Geografi Manusia di Malaysia harus bersedia membina kembali upaya perspektif kesarjanaannya yang lain, khususnya bidang kajian sistematik dan kajian kawasan. Dengan kata lain aras tanda keperkasaan yang harus diinginkan untuk direalisasikan oleh Geografi Manusia di Malaysia ialah keperkasaan yang seimbang dan holistik.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Abdullah & Mohmadisa Hashim. 2004. Satu analisis tentang trend pengambilan mata pelajaran geografi di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Seminar Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar. UPSI
- Aris Othman. 2007. Memartabatkan semula mata pelajaran Geografi di sekolah-sekolah Menengah Malaysia. Tesis Ph. D. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (dalam penyiapan).
- Barnes, T. J. 2007. The Geographical State: The Development of Canadian Geography. *Journal of Geography in Higher Education*, 31 (1): 161–177.
- Connell, J. 2005. Reasons to persist. *Sydney Morning Herald* p. 20. - 21 Oktober 2005.
- Desbiens, C. 2006. Speaking of geography: language, power and the spaces of Anglo-Saxon 'hegemony'. *Environment and Planning D: Society and Space* 24: 1-8.
- Dicken, P. 2004. Geographers and “globalization”: (Yet) another missed boat? *Transactions of the Institute of British Geographers* 29 (1): 5–26.
- Dowling, R. 2005. Country report: social and cultural geographies of Australia. *Social and Cultural Geography* 6: 767-775.
- Garcia-Ramon, M. D. 2003 Globalization and international geography: the questions of languages and scholarly traditions. *Progress in Human Geography* 27(1): 1-5.
- Gibson, C. 2007. Geography in Higher Education in Australia. *Journal of Geography in Higher Education*, 31 (1): 97-119.

- Gregory, D. 2004. *The colonial present: Afghanistan, Palestine, Iraq*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Gutierrez, J. and López-Nieva, P. 2001. Are international journals of human geography really international? *Progress in Human Geography* 25: 53-69.
- Kong, L. 2007. Geography's place in higher education in Singapore. *Journal of Geography in Higher Education*, 31 (1): 39-56.
- Kapur, A. 2004. Geography in India: A languishing Social Science. *Economic and Political Weekly*, September 11, 2004: 4187 – 4195
- Kapur, A. 2002. *Voice of Concern*. New Delhi: Concept.
- Lawson, V.A. 2005. Internationalizing Geography at the Dawn of the Twenty-first Century. *AAG Newsletter*. 4 (2).
- Mather, C. 2007. Between the 'Local' and the 'Global': South African Geography after Apartheid. *Journal of Geography in Higher Education*, 31 (1): 143-159.
- Mohd Rosli Mohd Razali. 1997. Peperiksaan dan Prestasi Pelajar Geografi di Sekolah: Satu Analisis Ringkas. Dlm. Katiman Rostam, Mohd Fuad Jali dan Kadaruddin Aiyub. *Pendidikan Geografi Di Malaysia: Isu, Cabaran dan Prospek*. Bangi: Jabatan Geografi, FSSK, UKM.
- Murphy, A. B. 2007. Geography's place in higher education in the United States. *Journal of Geography in Higher Education*. 31 (1): 121-141.
- Murphy, A. B. 2006. Enhancing Geography's Role in Public Debate – Presidential Address. *Annals of the Association of American Geographers*, 96 (1). Blackwell Publishing: Malden, USA and Oxford, U.K.: 1–13.
- Norizan Md Nor dan Wan Ruslan Ismail. 2005. Kemahiran geografi dalam kehidupan seharian. Seminar Sistem Maklumat Geografi (GIS) Untuk Guru-guru Sekolah. Universiti Sains Malaysia.
- Robinson, J. 2003. Postcolonialising geography: tactics and pitfalls. *Singapore Journal of Tropical Geography* 24 (3): 273-289.
- Robinson, J. 2004. Cities between modernity and development. *South African Geographical Journal* 86 (1): 17-22.
- Rodzli Hashim (Guru Cemerlang Geografi). 2007. Status Mata Pelajaran Geografi Menengah Atas. Surat yang dihantar kepada Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanuiaan, UKM, bertarikh 2 Ogos 2007. SMK Dato' Syed Omar, Alor Star, Kedah.
- Shinzo Kiuchi. (Pnyt.). 1976. *Geography in Japan*. Assoc. of Japanese Geographers and University of Tokyo Press, Tokyo, 294 hal.
- Short, J. R., Boniche, A., Kim, Y. and Li, P. Li. 2001. Cultural globalization, global English, and geography journals. *Professional Geographer* 53: 1-11.
- Sidaway, J.D. dan Johnston, R.J. 2007. Geography in higher education in the UK. *Journal of Geography in Higher Education*, 31 (1): 57-80.
- Smith, D.M. 2000. *Moral Geographies – Ethics in a World of Difference*. Edinburgh; Troubridge Wilts.
- Tapiador, F.J. dan Mart-Henneberg, J. 2007. Best of times, Worst of times: A Tale of Two (Spanish) Geographies. *Journal of Geography in Higher Education*, 31 (1): 81-46.
- Tharman Shanmugaratnam. 2005. Parliamentary Debates. 9 Mac. (Atas talian). <http://www.parliament.gov.sg/parlweb/>
- Xiaojian, Yunfeng dan Baoyu, 2007. *Journal of Geography in Higher Education*, 31 (1): 19-37.

**Lampiran 1: Kursus Geografi Manusia yang ditawarkan di universiti-universiti
Malaysia 2007/8**

UM	USM	UKM	UMS	UPSI
ADEA1113 Geografi Manusia : Pola dan Proses	HGA101/4 Pengantar Geografi HGM131/4 Geografi Manusia	SKAP1013 Alam, Manusia dan Budaya* (0.5)		LGM 1013 Pengantar Persekitaran Manusia
	HGM330/3 Pemikiran Geografi	SKPD1043 Pengantar Falsafah * SKPD1013 Pengantar Sains Sosial * SKAP 6013 Wacana Pemikiran Sosial*		LGP 3013 Isu dan Kurikulum Pendidikan Geografi
ADEA1110 Geografi Malaysia A3102 Geografi Kawasan Asia gara	HGT372E/3 Geografi Wilayah Asean dan Asia Pasifik	SKAG1023 Rantau Asia Pasifik		LGM 2013 Kajian Geografi Malaysia LGM 2023 Kajian Geografi Dunia
ADEA2316 Geografi Penduduk dan Demografi	HGM235/3 Geografi Penduduk dan Sumber Manusia	SKAG2053 Penduduk dan Perancangan Sumber Manusia SKAG6053 Penduduk dan Kesejahteraan Sosial	AG2253 Penduduk dan Sumber	LGM 2033 Geografi Penduduk
ADEA3329 Geografi dan Analisis Sumber		SKAG2083 Penilaian dan Pengurusan Sumber Alam		LGF 2013 Kajian Sumber Alam
ADEA3304 Perancangan Bandar dan Pembangunan Wilayah ADEA3327 Wilayah Terpilih	HGG350/3 Perancangan Pembangunan Wilayah	SKAG3213 Perancangan Bandar dan Desa SKAG3223 Perancangan Pembangunan Wilayah		
ADEA2309 Geografi Ekonomi ADEA2327 Geografi Sosial	HGM236/3 Geografi Ekonomi dan Pembangunan	SKAG3103 Geografi Ekonomi SKAG6043 Pembangunan dan Alam Sekitar		
ADEA3320 Geografi Politik ADEA3331 Geografi Pilihan Raya	HGT524/4 Sains Maklumat Geografi dalam Perancangan Sosial dan Dasar Awam	SKAG3193 Geopolitik SKAG6123 Ekonomi, Politik dan Ruang		
ADEA2329 Geografi Petempatan Desa	HGM342/3 Geografi Pertanian	SKAG2073 Organisasi Ruang Desa SKAG6143 Petempatan dan Pembangunan	AG3823 Penilaian Pembangunan dan Bandar Desa	
ADEA2304 Geografi Pengangkutan	HGM343/3 Geografi Perindustrian	SKAG3153 Kajian Pengangkutan SKAG6262 Pengangkutan, Pembangunan dan Transformasi		
ADEA3307 Geografi Perbandaran	HGM237/3 Geografi Bandar dan Metropolitan	SKAG3123 Organisasi Ruang Bandar SKAG6243 Ehwal Pengurusan Bandar		LGM 3013 Pengangkutan, Perbandaran dan Pembangunan
ADEA3330 Geografi Peruncitan ADEA3322 Geografi Pelancongan	HGM344/3 Geografi Perkhidmatan HTG522/4 Sains Maklumat Geografi dlm Perancangan Perniagaan & Perkhidmatan	SKAG3173 Kajian Pelancongan SKAG6223 Geografi Pelancongan		
ADEA2102 Analisis Lokasi dan Ruangan	HTG521/4 Analisis Lokasi dan Ruangan	SKAG3163 Penilaian Impak Alam (0.5)		
JKTGM : 16 / 16 = 100%	JKTGM : 14 / 14 = 100%	JKTGM : 18 / 22 = 81.8%		JKTGM : 7 / 7 = 100%
JKTGM Prasiswazah : 16 / 16 = 100%	JKTGM Prasiswazah : 11 / 11 = 100%	JKTGM Prasiswazah : 11 / 14 = 78.5%		JKTGM Prasiswazah : 7 / 7 = 100%

Sumber: Laman sesawang semasa masing-masing universiti

JKTGM = Jumlah Kursus Tulen Geografi Manusia (tidak termasuk kursus teknik/kaedah geografi sepunya)

* = Kursus wajib Fakulti dan Pusat

Nota: Tiada kursus untuk pasca siswazah di Jabatan Geografi, Univ. Malaya